

Saya terima elaun boleh cukai dari Petronas — Dr. Mahathir

Utm - 19/6/2004 : 2

PUTRAJAYA 18 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, beliau menerima elaun boleh cukai secara bulanan dari Petroliam Nasional Bhd. (Petronas) walaupun tidak diberikan gaji untuk jawatannya sebagai Penasihat kepada syarikat minyak kebangsaan itu.

Bagaimanapun, kata bekas Perdana Menteri, jumlah elaun yang diterimanya adalah jauh lebih rendah daripada ratusan ribu ringgit yang didakwa diberikan kepadanya untuk jawatan tersebut.

Dr. Mahathir menjelaskan demikian dalam satu

kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan beliau sebagai berkata, Petronas, Proton, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Lembaga Pembangunan Tioman tidak membayarnya satu sen pun untuk jawatan Penasihat yang dipegangnya dalam kesemua organisasi berkenaan.

Menurut Dr. Mahathir, beliau kemudiannya dimaklumkan bahawa Petronas membayarnya sedikit elaun bulanan yang boleh dicukai tetapi tidak menerima gaji atau elaun

daripada tiga organisasi lain.

Katanya, semasa memberi persetujuan untuk menjadi Penasihat, beliau berniat semata-mata untuk membantu organisasi tersebut mencapai objektif mereka yang diharapkan dapat memberi faedah kepada negara.

Katanya, faktor pulangan kewangan tidak pernah dibincangkan dan beliau tidak pernah terlintas untuk memperoleh apa-apa pendapatan daripada jawatan yang akan dipegangnya itu.